

# Restoran Ali Maju, Nasmir Holdings derma telekung

**K**UALA LUMPUR: Sebanyak 750 pasang telekung bernilai RM9,000 disumbangkan Restoran Ali Maju Sdn Bhd dan Nasmir Holdings Sdn Bhd, untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Johor.

Daripada jumlah itu, 500 pasang telekung disumbangkan Restoran Ali Maju dengan rangkaian restoran nasi kandar yang beroperasi di sekitar Lembah Klang, termasuk Pusat Bandar Damansara, Rawang, Taman Ukay Perdana dan Metro Prima Kepong.

Baki 250 pasang lagi disumbangkan Nasmir Holdings, yang kini memiliki 13 cawangan restoran nasi kandarnya, termasuk di Kulim, Pulau Pinang, Juru, Simpang Ampat, Bandar Perda, Sungai Bakap, Seberang Perai, Alor Star dan Ipoh.

Sumbangan itu disampaikan sendiri oleh Pengarah Urusan Restoran Ali Maju, Jawahir Ali dan Pengarah Urusan Nasmir Holdings, Kadhar Shah Abdul Razak kepada Pengarang Eksekutif Harian Metro/Metro Ahad, Mustapa Omar dan Pengarang Ekse-



**USAHA MURNI:** Mustapa (dua dari kiri) bersama Mahfar (kiri) melihat telekung disumbangkan Jawahir (dua dari kanan) dan Kadhar Shah di Balai Berita, semalam.

kutif (Berita) Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Mahfar Ali, di sini, semalam.

Mustapha berkata, sumbangan dua pemilik restoran nasi kandar terkemuka itu akan dihantar terus ke Johor untuk diagihkan oleh pasukan sukarelawan Misi Bantuan The New Straits

Times Press (M) Berhad (NSTP) yang kini sedang menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Johor.

Jawahir berkata, sebelum ini, Restoran Ali Maju menyumbangkan bantuan pakaian, selimut dan tuala bernilai RM40,000 menerusi Kesatu-

## FAKTA NOMBOR

Sumbangan telekung

**500**

Restoran Ali Maju

**250**

Nasmir Holdings

**RM9,000**

Harga keseluruhan telekung

an India Muslim Malaysia (Kimma) untuk mangsa banjir di Johor.

Selain itu, Restoran Ali Maju juga membelanjakan RM10,000 sebulan untuk kebajikan, termasuk sumbangan kepada surau, membantu anak yatim dan orang miskin.